



|                     |  |
|---------------------|--|
| 1. JAWATAN          | : FLIGHT OPERATIONS INSPECTOR (AEROPLANES) |
| KEMENTERIAN/JABATAN | : JABATAN PENERBANGAN AWAM                 |
|                     | KEMENTERIAN PERHUBUNGAN                    |
|                     | SUPERSCALE A (\$9,500 SEBULAN) ATAU        |
|                     | SUPERSCALE B (\$8,000 SEBULAN) ATAU        |
| TANGGAGAJI          | : SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN)           |
| KEKOSONGAN          | : SATU (1)                                 |

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Pemegang Lesen Juruterbang Pengangkutan Penerbangan *United Kingdom (Air Transport Pilot's Licence (ATPL), United Kingdom)* atau Pengusaha-Penguasa Penerbangan awam yang diiktiraf.
2. Mempunyai pengalaman amali (*flying experience*) dalam jenis-jenis pesawat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
3. a) **BAGI TANGGAGAJI SUPERSCALE A**
  - i) Mempunyai pengalaman sebagai Juruterbang Utama (Kapten) dengan jumlah penerbangan tidak kurang 2,000 jam penerbangan dan jumlah keseluruhan penerbangan tidak kurang 5,000 jam penerbangan dan telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai *Flight Operations Inspector* dalam tanggagaji Superscale B selama tidak kurang dari 3 tahun.
  - ii) Mempunyai pengalaman sebagai Juruterbang Utama (Kapten) dengan jumlah penerbangan tidak kurang 2,000 jam penerbangan dan jumlah keseluruhan penerbangan tidak kurang 5,000 jam penerbangan dan telah berkhidmat di agensi-agensi penerbangan yang diiktiraf dalam jawatan yang bersesuaian selama tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**



b) **BAGI TANGGAGAJI SUPERSCALE B**

- i) Mempunyai pengalaman sebagai Juruterbang Utama (Kapten) dengan jumlah penerbangan tidak kurang 2,000 jam penerbangan dan jumlah keseluruhan penerbangan tidak kurang 5,000 jam penerbangan dan telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Flight Operations Inspector dalam tanggagaji Superscale C tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- ii) Mempunyai pengalaman sebagai Juruterbang Utama (Kapten) dengan jumlah penerbangan tidak kurang 2,000 jam penerbangan dan jumlah keseluruhan penerbangan tidak kurang dari 5,000 jam penerbangan dan telah berkhidmat di agensi-agensi penerbangan yang diiktiraf dalam jawatan yang bersesuaian selama tidak kurang dari 4 tahun.

c) **BAGI TANGGAGAJI SUPERSCALE C**

- i) Mempunyai pengalaman sebagai Juruterbang Utama (Kapten) dengan jumlah penerbangan tidak kurang 2,000 jam penerbangan dan jumlah keseluruhan penerbangan tidak kurang 5,000 jam penerbangan.
- ii) Mempunyai Sijil *Flight Operations Inspector* yang diiktiraf dan latar belakang kerja-kerja pengurusan adalah kelebihan.
- iii) Mempunyai pengetahuan *Civil Aviation Order* dan *Civil Aviation Regulations* serta kehendak-kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (*International Civil Aviation Organisation –ICAO*).



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB FLIGHT OPERATIONS INSPECTOR (AEROPLANES):**

1. Melapor diri kepada Pengarah Penerbangan Awam bagi pentadbiran aspek-aspek operasi penerbangan dan apa jua berhubungkait dengannya.
2. Membuat kerja-kerja penyelidikan sebelum mengeluarkan *Air Operator's Certificate (AOC)* dan kerja-kerja pengawalseliaan dan pemeriksaan ke atas operasi-operasi bagi tujuan:-
  - i. Memberi nasihat kepada Pengarah Penerbangan Awam mengenai dengan pengeluaran *Air Operator's Certificate (AOC)* dan *Operations Specifications* dan kecekapan Operator untuk menjalankannya.
  - ii. Memberi nasihat kepada Pengarah Penerbangan Awam mengenai dengan mengenakan sebarang syarat ke atasnya.
  - iii. Memaklumkan Pengarah Penerbangan Awam dan Operator sebarang kekurangan yang memerlukan pembetulan.
  - iv. Menasihatkan Pengarah Penerbangan Awam mengenai dengan menjalankan tindakan penguatkuasaan yang berpatutan.
3. Menentukan tahap keselamatan operasi penerbangan yang dicapai oleh operator dengan:-
  - i. Membuat kerja-kerja pemeriksaan berjadual ke atas *station facility, aerodome, apron, en-route* dan *base*.
  - ii. Membuat kerja-kerja pemeriksaan dan pengawalseliaan mengikut program kerja dan berpandukan kepada piawaian yang berpatutan.
  - iii. Memaklumkan kepada Operator secara bertulis sebarang kekurangan dan memerlukan cadangan Operator untuk tindakan pembetulan.
  - iv. Membuat laporan bagi setiap kerja-kerja pemeriksaan dan penyelidikan seperti yang telah ditetapkan.



- v. Membuat kerja-kerja penyelidikan dan laporan terhadap sebarang kemungkinan perlanggaran ke atas *Civil Aviation Order* dan *Civil Aviation Regulations* atau peraturan-peraturan penerbangan.
  - vi. Mengkaji ketetapan dokumen-dokumen Operator (*Operations manual / training manual*, *policies*, *operating instruction and information to staff* dan *system of amendment*).
  - vii. Memaklumkan Pengarah Penerbangan Awam semua aspek operasi terkini dan projek-projek perkembangan termasuklah kakitangan eksekutif, perubahan tugas dan tanggungjawab ataupun perubahan organisasi secara amnya.
4. Membuat kerja-kerja penyelarasan dan penyelidikan serta keputusan bagi aspek berikut:-
- i. Keselamatan penerbangan dan apa jua penyiasatan kemalangan udara.
  - ii. Peruntukan yang terkandung dalam *Civil Aviation Order* dan *Civil Aviation Regulations*.
  - iii. Peruntukan peraturan mengenai dengan penyiasatan kemalangan udara.
  - iv. Membuat kerja pengeluaran lesen juruterbang dan pengesahan (*validation*) lesen juruterbang dari penguatkuasa-penguatkuasa Penerbangan yang diiktiraf.
5. Membantu Pengarah Penerbangan Awam dalam perkara-perkara berikut:-
- i. Perancangan dan perkembangan infrastruktur Lapangan Terbang.
  - ii. Penyelarasan Projek Lapangan Terbang Antarabangsa samada ianya melalui Rancangan Kemajuan Negara ataupun projek jabatan serta kerja-kerja pemeliharaan infrastruktur yang rutin.
  - iii. Penyediaan peruntukan Bahagian *Flight Operations*.